

## KEMPEN “PB SAVE & REWARD”

### TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Save & Reward (“Kempen”) dilancarkan oleh Public Bank Berhad [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan selepas ini:-

#### 1. Butir-butir Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Ogos 2019 hingga 31 Oktober 2019** [termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

#### 2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua individu berumur 18 tahun dan ke atas pada 1 Ogos 2019.
- 2.2 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan PBB baharu dan sedia ada termasuk bukan pemastautin (“Peserta yang Layak”).
- 2.3 Kakitangan tetap dan/atau kakitangan kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 2.4 Untuk akaun bersama, hanya pemegang akaun yang namanya pertama tercatat atau untuk akaun bagi pihak, nama ibu atau bapa/penjaga yang sah yang pertama tercatat dalam rekod PBB, akan dikenal pasti sebagai Peserta yang Layak.
- 2.5 Akaun bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 2.6 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini tidak boleh dan dilarang untuk diuntukkan atau digunakan untuk apa-apa kempen lain yang dijalankan serentak semasa Tempoh Kempen, atau apa-apa lanjutan selepas itu.
- 2.7 Amaun deposit yang akan diuntukkan di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. **“Dana baharu”** merujuk pada dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB atau PIBB.

- 2.8 Sumber dana baharu yang boleh diterima adalah seperti yang berikut:-
- a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
  - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
  - c) Prosid daripada Cek Sendiri daripada pihak ke-3;
  - d) Prosid daripada Cek Tempatan; dan/atau
  - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT) / GIRO Antara Bank (IBG) / RENTAS daripada bank-bank lain.
- 2.9 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu ini dipindahkan ke PBB di mana deposit telah disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi cawangan pemegang akaun untuk memaklumkan cawangan tersebut mengenai pindahan tersebut dan membenarkan PBB untuk menguntukkan amaun deposit tersebut.
- 2.10 Deposit yang dibuat melalui cek tertakluk pada penjelasan cek dan akan hanya dianggap sebagai deposit oleh Peserta yang Layak selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan dan akan hanya dianggap laku jika tidak dipulangkan sebagai cek tak laku dan utuk akan berkuat kuasa selepas fasal ini dipenuhi.
- 2.11 Apa-apa peletakan utukkan yang dibuat dalam Produk yang Layak di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dicagarkan untuk mendapat apa-apa overdraf atau kemudahan tunai-i, atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.
- 2.12 Kempen ini tidak sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

### 3. Ciri-ciri Kempen

- 3.1 Produk yang Layak\* di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:-

<b>Produk yang Layak</b>	
Akaun Simpanan PLUS	Akaun Simpanan Basic
Akaun Semasa PLUS	Akaun Semasa Basic

\* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 3.2 Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak mesti meletakkan amaun deposit dalam Produk yang Layak dan membenarkan amaun deposit tersebut diuntukkan selama enam (6) bulan untuk layak mendapat Hadiah seperti dalam jadual di bawah:-

Jenis Hadiah	Amaun Untukkan	Tempoh Untukkan
Pembersih Vakum Robotik iRova (KK8S)	RM68,000	6 Bulan
Penggoreng Elektronik Pelbagai Guna Khind 9.5L (ARF9500)	RM48,000	
Periuk Pelbagai Guna Khind 4L (MC388)	RM28,000	

- 3.3 Pertukaran Produk yang Tidak Layak kepada Produk yang Layak semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
- 3.4 Apa-apa akaun yang berkaitan dengan kemudahan kredit / pinjaman / pembiayaan Peserta yang Layak tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 3.5 Untukkan hendaklah dibuat di Cawangan Pemegang Akaun semasa Tempoh Kempen.
- 3.6 Peserta yang Layak dibenarkan untuk mendapatkan satu atau beberapa Hadiah seperti yang dinyatakan di bawah Perkara 3.2 selagi beliau memenuhi kriteria kelayakan bagi Hadiah-hadiah berkenaan.
- 3.7 Peserta yang Layak (termasuk semua pemegang akaun bersama, bagi Akaun Bersama) perlu menandatangani “PB Save & Reward - Surat untuk Pengeluaran Awal (LEU)” sekiranya beliau ingin membuat pengeluaran awal bagi deposit yang diuntukkan di bawah Kempen ini dan mengakui bahawa PBB berhak untuk menolak penalti berkenaan seperti yang dinyatakan dalam “PB Save & Reward - Surat untuk Menguntukkan/Indemniti (LEI)” yang ditandatangani oleh Peserta yang Layak.
- 3.8 Sekiranya amaun deposit Akaun yang Layak yang diuntukkan itu dibatalkan, dikeluarkan atau dilepaskan lebih awal daripada tempoh untukkan yang ditetapkan atas apa juga sebab, PBB mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak penalti daripada Akaun yang Layak yang berkenaan seperti yang berikut:-

Jenis Hadiah	Pembersih Vakum Robotik iRova (KK8S)	Penggoreng Elektronik Pelbagai Guna Khind 9.5L (ARF9500)	Periuk Pelbagai Guna Khind 4L (MC388)
<b>Penalti</b>	RM475	RM435	RM199.80

- 3.9 Hadiah-hadiah yang dipilih oleh Peserta yang Layak dalam Kempen ini yang direkodkan oleh PBB adalah muktamad dan konklusif.

#### 4. Hadiah

- 4.1 Peserta yang Layak (termasuk semua pemegang akaun bersama yang lain, bagi Akaun Bersama) perlu menandatangani “PB Save & Reward - Surat untuk Menguntungkan/Indemniti (LEI)” bagi tujuan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan layak untuk mendapat Hadiah.
- 4.2 Selepas syarat-syarat Kempen dipenuhi seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Peserta yang Layak layak untuk mendapat Hadiah.
- 4.3 Hadiah akan diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada.
- 4.4 Tiada pilihan warna disediakan.
- 4.5 Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya. Hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang-barang yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan dan/atau bahan promosi kerana ia hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- 4.6 PBB berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan Hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa dan/atau untuk menambah atau mengurangkan bilangan Hadiah.
- 4.7 Peserta yang Layak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai, kos sampingan dan/atau caj lain berkaitan dengan Hadiah berkenaan. PBB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi ke atas mana-mana Hadiah dan/atau kegagalan ejen/pembekal/pengedarnya untuk membekalkan hadiah.

#### 5. Penghantaran Hadiah

- 5.1 Hadiah akan dihantar ke alamat surat-menyurat **Pemegang Akaun Utama** Akaun yang Layak **dalam tempoh 12 minggu** dari tarikh untkkan Akaun yang Layak.
- 5.2 Pemberian dan penghantaran Hadiah dikendalikan oleh Tri-E Marketing Sdn Bhd (No. Syarikat 825150-M) yang mempunyai alamat berdaftar di Bilik B13A-4, Menara B, Tingkat 13A, Pejabat North Point, Midvalley City, No. 1 Medan Syed Putra Utara, 59200, Kuala Lumpur dan tempat perniagaan di A-5-35, IOI Boulevard, Jalan Kenari 5, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
- 5.3 Butir-butir untuk menghubungi Peserta yang Layak mengikut rekod PBB akan dikongsi dengan Tri-E Marketing bagi tujuan penghantaran Hadiah.

- 5.4 Sebaik sahaja menerima Hadiah, Peserta yang Layak hendaklah memeriksa dan menentukan kualiti, kebolehdagangan dan/atau kesesuaian penggunaan Hadiah tersebut. Beliau akan berurusan secara terus dengan Tri-E Marketing Sdn Bhd bagi Hadiah gantian sekiranya hadiah itu hilang atau rosak. Sekiranya berlaku kesilapan dari segi penghantaran atau kerosakan pada Hadiah tersebut, beliau hendaklah mengemukakan aduan kepada Tri-E Marketing Sdn Bhd di 03-8076 1313 atau e-mel ke info@tri-e.com.my dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan Hadiah. Beliau hendaklah menyimpan Surat Serahan berkenaan bagi tujuan rujukan.
- 5.5 Peserta yang Layak perlu menghubungi Tri-E Marketing Sdn Bhd melalui nombor telefon atau e-mel yang dinyatakan dalam Perkara 5.4 di atas mengenai apa-apa pertanyaan berhubung dengan penghantaran Hadiah.

## **6. Liabiliti dan Tanggungjawab**

- 6.1 PBB TIDAK akan bertanggungjawab dalam apa juga cara, atas apa-apa kejadian yang diakibatkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat-masuk kerja, tindakan perusahaan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, apa juga gangguan teknikal atau sistem, campur tangan manusia tanpa kebenaran dan kesilapan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan pemprosesan Kempen ini.
- 6.2 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas apa-apa kehilangan dan kerosakan atau apa juga sekalipun yang dialami oleh Peserta yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian, disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Kempen tersebut dan/atau Hadiah berkenaan.
- 6.3 PBB menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Hadiah. PBB tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk menggunakannya dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kecacatan bahannya atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau tidak. Peserta yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualannya yang sah bagi jaminan maklumat, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan pemasangan, spesifikasi, penggunaan atau pengendalian Hadiah.
- 6.4 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan kepada Hadiah tersebut akan berpindah kepada Peserta yang Layak selepas Hadiah tersebut dihantar kepada Peserta yang Layak. PBB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi atau berkewajipan untuk mengakui atau menggantikan mana-mana Hadiah yang mempunyai kecacatan, hilang, rosak atau dicuri.

## 7. Hak PBB

7.1 PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dalam laman web PBB atau menerusi kaedah komunikasi lain yang diluluskan dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat berkenaan.

## 8. Lain-lain

8.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun yang Layak dengan PBB, yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta yang Layak;
- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Akaun yang Layak boleh diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini;
- c) bersetuju dan membenarkan nama, nombor telefon, alamat surat-menyurat dan nombor pengenalan 4 digit terakhir Peserta yang Layak akan dikemukakan oleh PBB kepada Tri-E Marketing Sdn Bhd bagi membolehkan Tri-E Marketing Sdn Bhd untuk menghantar Hadiah berkenaan;
- d) bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad.

8.2 Untuk meneliti Notis Privasi PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima maklumat mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB, sila layari [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) atau mengunjungi mana-mana cawangan PBB.

\*\*\*\*\*

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

\*\*\*\*\*